

# FIQH SAINS RUMAH TANGGA DAN KERJAYA WANITA CEMERLANG DALAM SEKTOR AWAM DI MALAYSIA

Naemah Hamzah  
Mohd Ismail Mustari  
Bushrah Basiron

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, qamar@utm.my

## Suggested Citation:

Hamzah N., Mustari M. I., & Basiron B. (2013). Fiqh Sains Rumah Tangga Dan Kerjaya Wanita Cemerlang dalam Sektor Awam di Malaysia in *Prosiding Seminar Pasca Siswazah Fakulti Tamadun Islam Kali Kedua 2013 (Proceedings of the Second Graduate Seminar Faculty of Islamic Civilization 2013)* at Main Hall, Faculty of Islamic Civilization on 18-19 Disember 2013, pp. 106-124. ISBN: 978-967-0194-31-8.

## ABSTRACT

Dunia hari ini menyaksikan keperluan keterlibatan wanita dalam lapangan pekerjaan semakin ketara terutama bagi menjayakan tranformasi ekonomi negara. Wanita hari ini dilihat bukan sahaja dalam kelompok sokongan namun mula melibatkan diri sebagai pembuat keputusan sepertinya hasrat pihak kerajaan. Justeru, wanita hari ini memerlukan inspirasi yang tepat berdasarkan syariat Islam dalam mencapai kejayaan dalam kerjaya dan rumah tangga. Hal ini disebabkan masih berlaku kekeliruan berkaitan hak dan peranan wanita dalam kerjaya dan rumah tangga. Dapatan baru berkaitan dunia pekerjaan semasa amat diperlukan bagi menjalankan kedua-dua fungsi ini secara seimbang. Lantaran itu, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui temu bual mendalam bagi mengumpulkan data utama dan analisis dokumen melibatkan kitab-kitab feqah, jurnal, kertas kerja dan dokumen peserta kajian sebagai data sokongan. Temu bual mendalam dijalankan terhadap wanita cemerlang kumpulan pengurusan dan professional sektor awam bagi mengenalpasti pengaplikasian amalan fiqh dalam kerjaya dan rumah tangga, ciri-ciri wanita cemerlang dan faktor sokongan kejayaan wanita bekerjaya. Aspek-aspek tersebut merupakan asas yang perlu dilaksanakan oleh wanita apabila menceburkan diri dalam dunia pekerjaan bagi memastikan syariat Islam dan tanggaungjawab hakiki dalam rumah tangga terus dipelihara. Data sokongan temu bual juga melibatkan suami, anak, majikan dan rakan sekerja bagi mewujudkan triangulation data kajian. Seterusnya, dapatan kajian dianalisis secara bertema menggunakan perisian Nvivo 7.0. Pola-pola dapatan kajian ini telah menghasilkan model wanita bekerjaya dan berumah tangga, ciri-ciri suami cemerlang ciri-ciri anak cemerlang dan ciri-ciri majikan cemerlang mengikut acuan Islam. Hasil kajian ini diharapkan dapat dikemukakan sebagai panduan wanita bekerjaya masa kini dan institusi terlibat bagi menjana kualiti modal insan negara dan pembentukan keluarga yang cemerlang dunia dan akhirat.

## REFERENCES

- Abd. Razak Zakaria dan Noraini Mohd Salleh (2011). Konteks Keluarga dan Hubungannya dengan Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Anak-anak di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36 (1): 35-44.
- Abdullah Abdul Rahman ibnu Salih Ali Bassam (1978). *Taisir al-'Alam Syarhu 'Umdatul al-Abkam*. Makkah al-Mukarramah: Maktabah wa Matba'ah al-Nahdhah al-Hadithah.
- Abu Malik Kamal al-Sayid Salim (2010). *Fiqh Sunnah Wanita*. (Terjemah Oleh M.Taqdir Arsyad), Jakarta Timur: Griya Ilmu.
- Abu Malik Kamal Al-Sayid Salim (2012). *Ensiklopedia Fiqah Wanita Muslimah* (Terjemah Mohd Sofwan Amirullah). Selangor: JASMINE Enterprise.

- Abu Syuqqah, Abdul Halim Muahmmad (2002). *Tabriru al-Mar'ah fi 'Usri al- Risalah*. Kuwait: Dar al-Kalam.
- Ahmad Shalaby (2001). *Kehidupan Sosial Dalam Pemikiran Islam*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-Buty, Muhammad Sa'ied Ramadan (1996). *Al-Mar'ah Baina Thu'yan an-Nizham al-Gharbiy Wa lathoifi At-Tasyri'al-Rabbani*. Damsyik: Daral-Fikr.
- Al-Hashimi, Muhammad Ali (2005). *The Ideal Muslimah, Syakhsiyyah al-Mar'ah al- Muslimah*. Saudi Arabia: International Islamic Publishing House (IIPH).
- Al-Sartowi, Muhammad 'Ali (1997). *Syarh al-Qanun fi al-Ahwali al-Syakhsiyyah*. Amman: Dar al-Fikr.
- Al-Qardawi, Yusof (1999). *Malamih al-Mujtamaj al-Muslim Allazi Nansyuduhu (Anatomi Masyarakat Islam)*. (Terjemah Oleh Setiawan Budi Utomo), Jakarta Timur: Pustaka al-Kautsar.
- Al-Zuhaili, Wahbah (2008). *Al-Fiqhu al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Bushrah Basiron (2006). *Wanita Cemerlang*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia. Chua Yan Piaw (2011). *Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua*. Serdang: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Gall, Joyce P., Gall, M.D., and Borg, Walter R. (2005). *Applying Educational Research a Practical Guide*. Boston: PEARSON.
- Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, Sharifah Hayaati Syed Ismail dan Siti Arni Basir (2012). Women Career Advancement in Public Service: A Study In Indonesia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, (58), 298 - 306.
- Jamaluddin Muhammad Mahmud (1992). *Usui al-Mujtama' al-Islami*. Al-Kaherah: Dar al-Kutub al-Misr.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Siti Fauziyani Md. Saleh @ Masrom (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal-Selidik Pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamed Sharif Mustaffa, dan Roslee Ahmad (2006). *Bimbingan & Kerjaya Konsep dan Amalan Kontemporari*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mok Soon Sang (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan, Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan*. Selangor : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Muhammad Bakar Ismail, (2008). *Al-Fiqh Al-Wadiah (Fiqah Lengkap)*. (Terjemah M.Yusof Sinaga, Suhendri Irandi, Hasanuddin Dolah dan Muhammad Zuhirsyam). Selangor: Berlian Publications Sdn Bhd, jld. 1.
- Muhammad Bakar Ismail, (2008). *Al-Fiqh Al-Wadiah (Fiqah Lengkap)*. Selangor: Berlian Publications Sdn Bhd, jld. 2.
- Muhammad 'Uqlah (1989). *Nizorn al-Ushrah fi al-Islam*. 'Amman: Maktabah al- Risalah al-Hadithah.
- Najib Tun Razak (2013). Kerajaan Komited Terus Perkasa, Upayakan Wanita. Utusan Malaysia. Diperoleh pada 17 Mac 2013.
- Neuman, W. Lawrence (2007). *Basics of Social Research Qualitative and Quantitative Approaches*. 2<sup>A</sup> Edition. Boston: Pearson.
- Nik Safiah Karim (2006). Pencapaian Wanita Malaysia. Dalam Siti Fatimah Abdul Rahman. *Memahami Kedudukan Wanita Berjaya dari Perspektif Islam* (pp.7-17). Selangor: MPH Group Publishing Sdn Bhd.
- Parmjit Singh, Chan Yuen Fook and Gurnam Kaur Sidhu (2006). *A Comprehensive Guide to Writing A Research Proposal*. United Kingdom: Venton Publishing.
- Punteney, K.N (2012). International Careers: The Gap Between Student Interest and Knowledge. *Journal of Studies and International Education*, 16 (4): 390-407.
- Ranjit Kumar (2011). *Research Methodology*. (3<sup>th</sup> Editon). Los Angeles: SAGE.
- Richard Holmes, Hazadiah Mohammad and Habibah Ashari (2005). *A Guide to Research in the Sosial Sciences*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Rincy V.M. dan Panchanatham (2011). An Exploratory Study on the Work Life Balance of Women Entrepreneurs In South India. *Asian Academy of Management Journal*, 16(2), 77-105.
- Rohany Nasir (2003). *Isu-isu Kaunseling Dan Perkembangan Kerjaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sayyid Sabiq (1995). *Fiqh al-Sunnah*. Kaherah: Syarikat Manar al-Daulah al-Fathu li 'Ilami al-'Arabi.
- Sayyid Sabiq (1990). *Fiqh al- Sunnah*. Kuala Lumpur: Victory Agency.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy (2011). Intergriti Menurut Perspektif Islam dan Moden : Asas Sistem Penyampaian dan Perkhidmatan Berkualiti. *Jurnal Pengurusan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam*, 8 (1): 1-24.
- Sohair Abdel Moneim Sery (1995). Wanita Bekerja dan Cabarannya. *Al-Maw'izah Jurnal Pengajian Islam Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia*. (3): 103- 104.
- Tiawa, Dayang and Hafidz, Ahmad and Sumarni, Rio (2005) *Aplikasi Perisian NVIVO Dalam Analisis Data Kualitatif*. In: Qualitative Conference, 21-23 August 2005, Sofitel Resort Senai.
- Uwe Flick, Ernst Von Kardorff and Ines Steinke (2004). *A Companion to Qualitative Research*. London: SAGE Publications.
- Welman, Kauger, Mitchell (2005). *Research Methodology*. (3<sup>th</sup> Edition). Southern Africa: Oxford University Press.
- Zainab al-Ghazali, (2004). *Nasihah Untuk Wanita*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

# FIQH SAINS RUMAH TANGGA DAN KERJAYA WANITA CEMERLANG DALAM SEKTOR AWAM DI MALAYSIA

(Peringkat Kemajuan)

Naemah Hamzah Mohd Ismail Mustari  
Bushrah Basiron

## ABSTRAK

*Dunia hari ini menyaksikan keperluan keterlibatan wanita dalam lapangan pekerjaan semakin ketara terutama bagi menjayakan transformasi ekonomi negara. Wanita hari ini dilibat bukan sahaja dalam kelompok sokongan namun mula melibatkan diri sebagai pembuat keputusan sepertinya hasrat pihak kerajaan. Justeru, wanita hari ini memerlukan inspirasi yang tepat berdasarkan syariat Islam dalam mencapai kejayaan dalam kerjaya dan rumah tangga. Hal ini disebabkan masih berlaku kekeliruan berkaitan hak dan peranan wanita dalam kerjaya dan rumah tangga. Dapatan baru berkaitan dunia pekerjaan semasa amat diperlukan bagi menjalankan kedua-dua fungsi ini secara seimbang. Lantaran itu, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui temu bual mendalam bagi mengumpulkan data utama dan analisis dokumen melibatkan kitab-kitab feqah, jurnal, kertas kerja dan dokumen peserta kajian sebagai data sokongan. Temu bual mendalam dijalankan terhadap wanita cemerlang kumpulan pengurusan dan profesional sektor awam bagi mengenalpasti pengaplikasian amalan fiqh dalam kerjaya dan rumah tangga, ciri-ciri wanita cemerlang dan faktor sokongan kejayaan wanita bekerjaya. Aspek-aspek tersebut merupakan asas yang perlu dilaksanakan oleh wanita apabila menceburkan diri dalam dunia pekerjaan bagi memastikan syariat Islam dan tanggungjawab hakiki dalam rumah tangga terus dipelihara. Data sokongan temu bual juga melibatkan suami, anak, majikan dan rakan sekerja bagi mewujudkan triangulation data kajian. Seterusnya, dapatan kajian dianalisis secara bertema menggunakan perisian Nvivo 7.0. Pola-pola dapatan kajian ini telah menghasilkan model wanita bekerjaya dan berumah tangga, ciri-ciri suami cemerlang ciri-ciri anak cemerlang dan ciri-ciri majikan cemerlang mengikut acuan Islam. Hasil kajian ini diharapkan dapat dikemukakan sebagai panduan wanita bekerjaya masa kini dan institusi terlibat bagi menjana kualiti modal insan negara dan pembentukan keluarga yang cemerlang dunia dan akhirat.*

**Kata Kunci :** *Fiqh Sains Rumah Tangga, Wanita Cemerlang, Bekerjaya, Berumah Tangga, Sektor Awam.*

## PENGENALAN

Perkembangan ekonomi dunia yang semakin pesat dan berubah-ubah memerlukan setiap negara bersaing dalam pasaran dunia dalam era globalisasi (Sharifah Hayaati, 2011). Perbincangan dan kajian berkaitan dunia kerjaya adalah penting kerana ia merupakan satu

bidang yang sentiasa berkembang dan berlaku sepanjang hidup manusia. Melaluinya juga seseorang itu dapat membangunkan potensi diri untuk melakukan sesuatu pekerjaan (Puntaney, 2012; Mohamed Sharif dan Roslee, 2006). Perubahan sosioekonomi Malaysia khususnya memberi kesan terhadap peranan dan juga kedudukan wanita di negara ini. Selain itu, masyarakat juga telah mengiktiraf peranan dan sumbangan yang boleh dimainkan oleh wanita terhadap perkembangan dan kemajuan negara (Najib, 2013; Nik Safiah, 2006; Zainab al-Ghazali, 2004; Rohany, 2003).

Justeru, apabila wanita hari ini terlibat dengan kerjaya maka mereka perlu bijak untuk menguruskan dua tanggungjawab yang berbeza di samping perlu mencapai kecemerlangan serta kesempurnaan dalam kerjaya dan rumah tangga (Ilhaamie *et al.*, 2012; Rincy V. M dan Panchanatham, 2011; Bushrah, 2006; Zainab al-Ghazali, 2004; Sohair, 1995). Hal ini disebabkan keluarga menjadi isu utama kepada perbincangan berkaitan sesebuah entiti dalam masyarakat. Ibu bapa bertindak sebagai nadi utama dalam menyediakan persekitaran yang sihat dalam sesebuah keluarga yang telah dibina (Abd. Razak dan Norani, 2011). Sementara itu, Muhammad 'Uqlah (1989) dan Paizah (2004) turut menyokong bahawa suami dan isteri merupakan asas kepada pembentukan keluarga. Walau apa jua alasan dan sebab yang digunakan oleh wanita untuk bekerja, Islam jelas menetapkan syarat dan garis panduan untuk mereka (Bushrah, 2006).

Justeru, wanita hari ini mestilah memahami dan mengaplikasikan amalan fiqh dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang isteri dan ibu terhadap rumah tangga yang dibina serta kerjaya yang diceburi secara seimbang (al-Qardawi, 1999). Namun, kejayaan wanita dalam kerjaya dan rumah tangga memerlukan sokongan daripada individu yang hampir dengan mereka. Hal ini disebabkan wanita mempunyai kekurangan dari aspek fizikal dan akal yang perlu di lestarikan dengan kehadiran lelaki (suami) bagi menyokong kejayaan dunia dan akhirat (al-Qardawi, 1999; Ahmad Shalaby, 2001; Al-Buty, 1996; Jamaluddin, 1992; Abu Syuqqah, 2002). Oleh itu, model hasil kajian ini amat penting untuk membantu wanita profesional yang bekerja dan bergelar isteri dalam menguruskan rumah tangga berlandaskan syariat Islam serta mendokong cita-cita dan amanah meningkatkan kualiti modal insan negara ke arah mercu jaya. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu pelbagai agensi kerajaan dan swasta dalam menyusun program-program pembangunan modal insan negara untuk kesejahteraan wanita dan institusi kekeluargaan dewasa ini.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini dirangka berdasarkan matlamat kajian dan kemampuan pengkaji untuk merealisasikannya dalam tempoh masa yang ditetapkan. Bagi mencapai matlamat dan hasil kajian yang digariskan maka dua objektif telah digariskan seperti berikut:

- 1) Menjelaskan kedudukan wanita yang bekerja dan berumah tangga berdasarkan kitab *turath* dan pandangan ulamak kontemporari.
- 2) Mengenalpasti pengaplikasian fiqh sains rumah tangga dalam kalangan wanita bekerja terhadap kakitangan sektor awam di Malaysia.

- 3) Mengenalpasti ciri-ciri kecemerlangan yang dipraktikkan oleh wanita dalam kerjaya dan rumah tangga.
- 4) Mengenalpasti faktor sokongan yang menyokong kejayaan wanita bekerjaya.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Jelasnya, Islam telah mengembalikan martabat wanita yang tertindas pada zaman Jahiliyyah dan diterima sebagai sebahagian daripada masyarakat (al-Maraghi, 2001). Data-data yang dibentangkan sebelum ini menunjukkan pertambahan wanita di institusi- institusi pengajian tinggi berbanding lelaki. Fenomena ini, menyebabkan wanita mula memelopori bidang-bidang utama negara dalam sektor awam khususnya sebagai pembuat keputusan dan diberi kepercayaan mengetuai klasifikasi perkhidmatan penting seperti Timbalan Setiausaha Negara, ketua pengarah sektor, ketua jabatan, pengetua, senator, wakil rakyat dan sebagainya. Selain itu, data-data peningkatan kes perceraian dewasa ini menunjukkan berlaku pelbagai konflik dalam rumah tangga melibatkan hak dan peranan suami atau isteri. Lantaran itu, adalah menjadi satu keperluan bagi mewujudkan wadah atau alternatif bagi melancarkan proses penyelesaian konflik keluarga kini (Siti Shamsiah, 2011). Hal ini juga telah menarik perhatian mereka untuk mengetahui peranan dan hak wanita dalam rumah tangga serta hak dan fungsi suami dan majikan dalam membantu dan menyokong kerjaya wanita supaya pendidikan generasi baru dalam institusi keluarga tidak terjejas disebabkan oleh kesibukan dunia pekerjaan (Basri, 2007; Abdul Monir, 2008; Hock Earn *et al.*, 2003; Noor Rahamah, 2012; Siti Zalikhah, dan Zaleha, 2010). Maznah (2003) dalam kajiannya menegaskan bahawa wanita yang bekerjaya merupakan aset negara yang mampu dipertahankan dengan nilai keagamaan. Sistem sosial dan strukturnya terus terdedah kepada faktor-faktor baru dan perubahan-perubahan yang sentiasa dipengaruhi oleh persekitaran.

Perbincangan telah berlaku dalam kalangan ulamak *mutaqaddimin* menerusi kitab-kitab *turath* Bagi menjawab persoalan bersifat semasa ini. Hal ini juga tidak ketinggalan diperbincangkan oleh golongan ulamak *mutaakhirin* sebagai hujah kontemporari. Sebahagian daripada golongan tertentu menyangka bahawa *turath* itu musuh kepada kontemporari lalu mereka membuang dan memusuhinya. Pada hakikatnya *turath* itu merupakan alat untuk membina ijtihad seperti yang disebut dalam kitab usul (Ahmad Fauwaz dan Abdul Basit, 2012). Justeru, kajian ini bertujuan mengumpulkan pandangan-pandangan ulamak menerusi kitab-kitab *turath* dan pandangan ulamak kontemporari dalam menjelaskan kedudukan sebenar wanita bekerja dan berumah tangga menurut perspektif Islam.

Senario yang berlaku menuntut agar satu kajian dibuat bagi membantu wanita alaf baru menjalankan fungsi mereka secara seimbang melibatkan kerjaya dan rumah tangga (Schwartz, 2000). Kajian ini bertujuan melihat pengaplikasian amalan-amalan fiqh harian dalam kehidupan rumah tangga sebagai seorang ibu, isteri dan dalam masa yang sama sebagai seorang wanita bekerjaya. Selain itu, amalan fiqh dan syariat Islam juga dilihat melalui penampilan dan batas-batas seorang wanita yang keluar rumah untuk bekerja. Bagi memastikan kajian ini tidak ketinggalan zaman data *primier* melalui kaedah temu bual


dikumpulkan untuk melihat senario wanita secara realiti dan bersifat semasa. Kajian ini dilaksanakan terhadap kakitangan sektor awam kumpulan pengurusan dan profesional. Kumpulan ini banyak terlibat dalam menjalankan tugas yang mencabar sebagai pembuat keputusan dan pemimpin dalam organisasi yang memerlukan komitmen masa dan tenaga yang tinggi. Dalam masa yang sama mereka mempunyai tanggungjawab hakiki dalam rumah tangga yang perlu dijalankan serentak. Hasil kajian ini diharap dapat menjadi panduan asas seseorang wanita yang berkeluarga dan bekerjaya bagi mencapai kejayaan dunia dan akhirat baik dalam kerjaya mahupun rumah tangga mereka. Kajian ini juga dapat digunakan dalam merangka dasar pembangunan wanita negara oleh institusi-institusi kerajaan mahu pun sebagai usaha penjana modal insan negara yang lebih mapan.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya bagi menjawab objektif dan persoalan kajian yang telah digariskan (Gall *et al.*, 2005; Mohamad Najib, 2003). Pengumpulan data melibatkan temu bual mendalam melibatkan wanita bekerjaya dan berumah tangga sektor awam dan analisis dokumen tokoh, kitab-kitab fiqh, buku, jurnal dan kertas kerja berkaitan kajian. Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian pelbagai kes (*multiple-case design*) yang melibatkan pengumpulan maklumat secara sistematik, jelas dan mendalam berkaitan amalan fiqh sains rumah tangga dan kerjaya wanita cemerlang di Institusi Pengajian Tinggi Awam (Gall *et al.*, 2005; Mok Soon Sang, 2010). Kajian ini dikenali sebagai kajian pelbagai kes kerana melibatkan wanita cemerlang yang berbeza namun mempunyai ciri-ciri yang sama. Selain itu, kajian ini juga dilakukan di lokasi dan masa yang berbeza (Richard Holmes *et al.*, 2005). Penggunaan metode temu bual mendalam (*in-depth interview*) menunjukkan kajian dilakukan secara *natural* terhadap fenomena terlibat (Gall *et al.*, 2005).

### ***Sample Kajian***

Sample kajian ini melibatkan wanita cemerlang kumpulan pengurusan dan professional sektor awam. Lokasi kajian ini ialah di Universiti Teknologi Malaysia. Rajah 1.2 berikut menjelaskan prosedur persempelana secara terperinci.



Rajah 1.2 Prosedur Persempelan Kajian

Jelasnya, Rajah 1.2 menjelaskan lagi proses persampelan kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya. Peserta kajian utama ialah wanita cemerlang kumpulan pengurusan dan professional sektor awam jelas menggunakan *snow ball sampling* (persampelan bola salji). Persampelan menggunakan kaedah ini adalah paling sesuai memandangkan sampel dalam populasi yang mempunyai ciri-ciri yang sama tidak diketahui dan sukar dicari (Chua Yan Piaw, 2011; Pittenger, 200; Parmjit Singh *et al.*, 2006). Dalam kajian ini pengkaji akan mengenalpasti sebilangan kecil peserta yang mempunyai ciri-ciri khusus yang akan dikaji (Chua Yan Piaw, 2011). Setelah peserta ditemu bual maka dia diminta untuk menamakan subjek-subjek lain dalam populasi yang mempunyai ciri-ciri yang sama (Pittenger, 2003). Kebiasaannya wanita yang bekerja dan berjaya ini lebih mengenali dengan tepat persamaan ciri-ciri peserta lain yang dikehendaki dalam kajian ini. Pengkaji mempunyai keterbatasan kemampuan untuk mengenalpasti penjawat awam yang mempunyai ciri-ciri tersebut. Antara ciri-ciri peserta kajian yang diperlukan dalam kajian ini ialah :


- 1) Wanita tersebut mestilah seorang wanita yang bekerja dalam kumpulan pengurusan dan professional di sektor awam.
- 2) Wanita berkenaan telah berumah tangga.
- 3) Wanita tersebut telah mencipta kejayaan dalam kerjaya mereka.
- 4) Wanita tersebut mempunyai anak-anak yang berjaya dan keluarga yang bahagia.
- 5) Wanita tersebut juga mengamalkan syariat Islam ketika bekerja seperti menutup aurat dengan sempurna, menjaga tatasusila pergaulan antara lelaki dan perempuan dan mampu menyeimbangkan antara tugas kerjaya dan rumah tangga.

- 6) Wanita tersebut juga menjalankan fungsi dan tanggungjawab sebagai seorang isteri dan ibu dalam rumah tangga.

Ciri-ciri ini dipilih bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai untuk mengemukakan model wanita bekerjaya menurut pandangan Islam. Data sokongan temu bual melibatkan suami dan majikan atau pentadbir jika wanita cemerlang tersebut merupakan ketua di tempat kerja juga menggunakan *purposive sampling* kerana melibatkan individu yang tetap dan khusus (Welman *et ai*, 2005). Sementara rakan sekerja wanita cemerlang dipilih menggunakan *snow ball sampling* berdasarkan ciri-ciri dan kriteria yang mirip dengan peserta kajian. Wanita cemerlang akan memberikan cadangan rakan sekerja yang sesuai untuk di temu bual (Pittenger, 2003; Welman *et ai*, 2005; Neuman, 2007; Parmjit Singh, 2006; Chua Yan Piaw, 2011, Mok Soon Sang, 2010). Anak wanita cemerlang dipilih menggunakan *convenience sampling* (persampelan secara kebetulan). Hal ini disebabkan bilangan anak wanita cemerlang yang ramai dan berada di lokasi yang berbeza. Maka, seorang anak yang tinggal bersama atau hampir dengannya serta mudah ditemui dipilih bagi mendapatkan data kajian (Chua Yan Piaw, 2011).

*Metode Analisis Data Temu Bual*

Proses penganalisan data kualitatif dianggap sebagai satu proses yang sukar dan memerlukan ketekunan dan kesabaran. Data kualitatif adalah bersifat dinamik, intuitif dan melibatkan proses pemikiran serta pembentukan teori yang kreatif (Tiawa *et al*, 2005). Analisis data temu bual sebagai data utama melibatkan proses yang sistematik seperti persiapan nota lapangan dan transkrip, pengkodan, mengesan dan membina tema utama, membina sub tema dan sub-sub tema, penilaian pakar dan penentuan tahap Cohen Kappa, pembentukan jadual matrik & menganalisis tema, mempersembahkan hasil kajian (Welman *et al* > 2005). Carta alir proses analisis data temu bual diterangkan dalam Jadual 1.3 berikut.



Rajah 1.3 Proses Penganalisan Data Temu Bual (Welman *et al*, 2005)



Gambaran pembentukan tema terhasil daripada sorotan kajian lepas (Tiaw *et al.*, 2005). Namun begitu, pengkaji tidak boleh bergantung kepada tema-tema kajian dalam sorotan kajian kerana data-data mentah tersebut juga akan menghasilkan tema-tema yang baru atau berbeza sedikit dengan tema sedia ada. Pengkaji harus bersifat terbuka dalam pembentukan tema ini. Data yang dikeluarkan dalam bentuk transkrip sepertimana proses yang telah diterangkan kemudiannya dibentuk verbatim data. Verbatim data ini dimasukkan dalam perisian berkomputer Nvivo untuk mengesan tema utama dan sub- sub tema yang terlibat (Uwe Flick *et al.*, 2004). Pelbagai program komputer disediakan untuk membantu proses analisis data kualitatif. Pemilihan Nvivo adalah bersesuaian dengan cara kerja pengkaji dan permasalahan kajian berkaitan fiqh sains rumah tangga wanita bekerjaya bagi memudahkan pembentukan model dilakukan di akhir kajian (Uwe Flick *et al.*, 2004).

## KERANGKA MODEL KAJIAN

Pengkaji telah menjelaskan punca pengambilan teori kajian ini berdasarkan pandangan ulamak. Rajah 1.1 berikut menerangkan kerangka model kajian fiqh sains rumah tangga wanita bekerjaya.

### Pe m boleh TJbah Bcr^ndar KE CEMERL A>"GAN~ WANITA BEKERJAYA



Peru boleh L~bah Be ba &  
Rajah 1.1 Model Kajian Kualitatif Fiqh Sains Rumah Tangga dan Kerjaya Wanita  
Cemerlang *Fiqh Sains Rumah Tangga Dan Kerjaya Wanita Cemerlang Dalam Sektor Awam Di Malaysia*  
dalam Sektor Awam di Malaysia

## **DAPATAN KAJIAN RINTIS**

Kajian rintis telah dijalankan terhadap seorang wanita cemerlang kumpulan pengurusan dan professional di Universiti Teknologi Malaysia bagi mengumpulkan data utama kajian. Data sokongan temu bual telah diperolehi daripada wakil majikan (pentadbir) kumpulan pengurusan dan professional, rakan sekerja, suami dan anak. Hasil kajian menunjukkan bahawa wanita yang cemerlang dalam kerjaya dan rumah tangga mengaplikasikan amalan fiqh dalam kerjaya dan rumah tangga untuk mencapai kejayaan dunia dan akhirat. Jadual 1.1 berikut menunjukkan batas-batas wanita bekerja:

Jadual 1.1 Amalan fiqh dalam kerjaya

<b>Bil.</b>	<b>Ciri</b>
1	Izin suami
2	Memilih kawan yang baik
3	Menjaga nama baik suami Tidakmenceritakan hal rumah tangga
4	Menutup aurat dengan sempurna  Memakai stoking Menutup seluruh badan kecuali muka dan tapak tangan Tidak berlebih-lebihan  Tidak menarik perhatian Tudung di bawah paras dada Tidak menampakkan bentuk badan
5	Menjaga pergaulan Berkomunikasi untuk tujuan pekerja Menjaga batasan ketika bermusafir Menjaga tingkah-laku
6	Niat bekerja untuk ibadah
7	Pekerjaan yang sesuai dengan syarak
8	Seimbang tugas rumah tangga
9	Sesuai dengan sifat kewanitaan

Model wanita cemerlang menurut kaca mata Islam ini jelas menjaga batas-batas wanita Islam yang keluar rumah untuk bekerja atau semasa menjalankan tugas yang lain melibatkan penjagaan aurat yang sempurna, menjaga pergaulan antara lelaki dan wanita, menjaga niat bekerja adalah untuk membantu keluarga dan memberi perkhidmatan dan kepakaran kepada masyarakat yang memerlukan kehadiran wanita, memilih pekerjaan yang sesuai dengan syarak serta sifat kewanitaan, mendapatkan izin suami apabila hendak keluar untuk bekerja, menjaga nama baik suami dengan tidak menceritakan keburukan atau hal ehwal rumah tangga kepada orang-orang yang tidak sepatutnya, memilih kawan yang baik yang boleh mendorong melakukan kebaikan dan berusaha menyeimbangkan antara tugas dalam kerjaya dan tuntutan rumah tangga. Wanita juga menjalankan amanah dan tanggungjawab sebagai seorang isteri walaupun sibuk dengan urusan

pekerjaan di luar rumah. Jadual 1.2 berikut menjelaskan peranan seorang isteri dalam rumah tangga:

Jadual 1.2 Hak suami dan tanggungjawab isteri

Bil.	Ciri
1.	Hormat suami Berbicara dengan baik Berterima kasih Memuliakan suami Merendah diri walaupun jawatan lebih tinggi
2.	Melayan suami dan mengembirakan suami Berhias Faham keutamaan Melayan kehendak suami
3.	Mengurus rumah tangga
4.	Mentaati suami
5.	Minta izin suami

Jelasnya, tugas hakiki wanita adalah dalam rumah tangga. Justeru, wanita bekerjaya yang cemerlang menghormati suami dan memuliakannya sekali pun mereka berjawatan lebih tinggi daripada suami. Wanita cemerlang tetap melaksanakan tugas mereka untuk memenuhi keperluan suami, anak-anak dan rumah tangga. Sementara itu, keperibadian wanita cemerlang terhadap Allah SWT adalah seperti berikut:

Bil.	Ciri
1.	Solat awal waktu
2.	Mengerjakan haji di usia muda
3.	Mengeluarkan zakat
4.	Berpuasa
5.	Melakukan segala suruhan dan meninggalkan laranganNya
6.	Doa dan zikir Mathurat
7.	Membaca al-Quran setiap hari
8.	Pergi kerja dengan berwuduk
9.	Solat sunat Dhuha Isyrak Tahajjud
10.	Selalu beristiqfar

11.	Suka bersedekah
12.	Solat berjemaah
13.	Memilih makanan yang halal

Jadual 1.3 di atas menunjukkan bahawa wanita cemerlang amat menjaga hubungan dengan Allah SWT sebagai jalan mendapat keredaan dan kebahagiaan serta kejayaan di dunia dan akhirat. Selain itu, wanita cemerlang juga mempunyai keperibadian dengan manusia yang luhur melibatkan hubungan dengan suami, anak, rakan sekerja, majikan dan masyarakat sepertimana jadual berikut:

Jadual 1.3 Ciri-ciri wanita cemerlang sifat keperibadian terhadap diri sendiri dan sesama manusia (suami, anak-anak, majikan, rakan sekerja, masyarakat)

Bil.	Ciri
1.	Adil
2.	Berani
3.	Bercita-cita tinggi
4.	berdikari
5.	Bersederhana
6.	Bertanggungjawab
7.	Berterus terang
8.	Bertolak-ansur
9.	Ikhlas
10.	Jujur
11.	Kreatif
12.	Memahami
13.	Mengaku-salah
14.	Merebut peluang
15.	Merendah diri
16.	Pemalu
17.	Redha
18.	Sabar
19.	Sanggup berkorban
20.	Sistematik
21.	Suka kepada ilmu
22.	Tabah dan cekal
23.	Tegas berprinsip
24.	Tidak suka berhutang

Sementara itu, faktor sokongan terhadap kejayaan wanita bekerja dan berumah tangga melibatkan sokongan padu individu utama disekitarnya. Hasil kajian menunjukkan bahawa antara individu yang menyokong kejayaan seseorang wanita itu ialah suami,

anak-anak, majikan, rakan sekerja, pembantu rumah, pengasuh dan ibu bapa. Selain itu, wanita juga perlu memiliki perbagai kemahiran untuk menyokong kejayaan mereka.

Jadual 1.4 Kemahiran utama wanita bekerjaya dan berumah tangga

Bil.	Ciri
1.	Bahasa Inggeris Arab
2.	ICT Telefon pintar Perisian komputer <i>Face book</i> Internet
3.	Keibubapaan Professional
4.	Komunikasi Mengacara majlis Membentang kertas kerja Memberi arahan Menegur kesalahan
5.	Memandu
6.	Memimpin organisasi
7.	Mengurus Masa Pejabat/Kerjaya Rumah tangga Menyediakan jadual memasak Melatih anak-anak menguruskan diri sendiri Melibatkan ahli keluarga menguruskan rumah  Tekanan
8.	Psikologi
9.	Menyelesaikan masalah
10.	Membaca al-Quran
11.	Menulis

Jadual 1.4 di atas menerangkan bahawa 11 kemahiran utama yang diperlukan oleh wanita era globalisasi kini mencakupi pelbagai aspek seperti kemahiran bahasa, penguasaan dalam teknologi maklumat atau ICT, menulis, keibubapaan professional, psikologi, menyelesaikan masalah, memandu, memimpin organisasi, komunikasi dan kemahiran mengurus melibatkan pengurusan tekanan, masa, kerjaya dan rumah tangga.

### **KESIMPULAN**

Dapatan kajian rintis ini menjadi panduan asas untuk menjalankan kajian sebenar. Kesimpulannya wanita yang ingin cemerlang dalam kerjaya dan rumah tangga mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Islam hendaklah memiliki ciri yang telah

dibincangkan. Selain itu, wanita yang cemerlang juga mampu mendidik dan melahirkan generasi cemerlang sebagai pelapis negara pada masa yang akan datang.

## RUJUKAN

- Abd. Razak Zakaria dan Noraini Mohd Salleh (2011). Konteks Keluarga dan Hubungannya dengan Penglibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Anak-anak di Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36 (1): 35-44.
- Abdullah Abdul Rahman ibnu Salih Ali Bassam (1978). *Taisir al-'Alam Syarhu 'Umdatul al-Abkam*. Makkah al-Mukarramah: Maktabah wa Matba'ah al-Nahdhah al-Hadithah.
- Abu Malik Kamal al-Sayid Salim (2010). *Fiqih Sunnah Wanita*. (Terjemah Oleh M.Taqdir Arsyad), Jakarta Timur: Griya Ilmu.
- Abu Malik Kamal Al-Sayid Salim (2012). *Ensiklopedia Fiqah Wanita Muslimah* (Terjemah Mohd Sofwan Amirullah). Selangor: JASMINE Enterprise.
- Abu Syuqqah, Abdul Halim Muahmmad (2002). *Tabriru al-Mar'ah fi 'Usri al- Risalah*. Kuwait: Dar al-Kalam.
- Ahmad Shalaby (2001). *Kehidupan Sosial Dalam Pemikiran Islam*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-Buty, Muhammad Sa'ied Ramadan (1996). *Al-Mar'ah Baina Thu'yan an-Nizham al-Gharbiy Wa lathoifi At-Tasyri'al-Rabbani*. Damsyik: Daral-Fikr.
- Al-Hashimi, Muhammad Ali (2005). *The Ideal Muslimah, Syakhsyiyah al-Mar'ah al-Muslimah*. Saudi Arabia: International Islamic Publishing House (IIPH).
- Al-Sartowi, Muhammad 'Ali (1997). *Syarh al-Qanun fi al-Ahwali al-Syakhsyiyah*. Amman: Dar al-Fikr.
- Al-Qardawi, Yusof (1999). *Malamih al-Mujtamaj al-Muslim Allazi Nansyudubu (Anatomi Masyarakat Islam)*. (Terjemah Oleh Setiawan Budi Utomo), Jakarta Timur: Pustaka al-Kautsar.
- Al-Zuhaili, Wahbah (2008). *Al-Fiqhu al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Bushrah Basiron (2006). *Wanita Cemerlang*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Chua Yan Piau (2011). *Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua*. Serdang: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Gall, Joyce P., Gall, M.D., and Borg, Walter R. (2005). *Applying Educational Research a Practical Guide*. Boston: PEARSON.
- Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, Sharifah Hayaati Syed Ismail dan Siti Arni Basir (2012). Women Career Advancement in Public Service: A Study In Indonesia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, (58), 298 - 306.
- Jamaluddin Muhammad Mahmud (1992). *Usni al-Mujtama' al-Islami*. Al-Kaherah: Dar al-Kutub al-Misr.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Siti Fauziyani Md. Saleh @ Masrom (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal-Selidik Pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

- Mohamed Sharif Mustaffa, dan Roslee Ahmad (2006). *Bimbingan & Kerjaya Konsep dan Amalan Kontemporari*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mok Soon Sang (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan, Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan*. Selangor : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Muhammad Bakar Ismail, (2008). *Al-Fiqh Al-Wadib (Fiqah Lengkap)*. (Terjemah M.Yusof Sinaga, Suhendri Irandi, Hasanuddin Dolah dan Muhammad Zuhirsyam). Selangor: Berlian Publications Sdn Bhd, jld. 1.
- Muhammad Bakar Ismail, (2008). *Al-Fiqh Al-Wadib (Fiqah Lengkap)*. Selangor: Berlian Publications Sdn Bhd, jld. 2.
- Muhammad 'Uqlah (1989). *Nizom al-Ushrah fi al-Islam*. 'Amman: Maktabah al- Risalah al-Hadithah.
- Najib Tun Razak (2013). Kerajaan Komited Terus Perkasa, Upayakan Wanita. Utusan Malaysia. Diperoleh pada 17 Mac 2013.
- Neuman, W. Lawrence (2007). *Basics of Social Research Qualitative and Quantitative Approaches*. 2<sup>nd</sup> Edition. Boston: Pearson.
- Nik Safiah Karim (2006). Pencapaian Wanita Malaysia. Dalam Siti Fatimah Abdul Rahman. *Memahami Kedudukan Wanita Berjaya dari Perspektif Islam* (pp.7-17). Selangor: MPH Group Publishing Sdn Bhd.
- Parmjit Singh, Chan Yuen Fook and Gurnam Kaur Sidhu (2006). *A Comprehensive Guide to Writing A Research Proposal*. United Kingdom: Venton Publishing.
- Punteney, K.N (2012). International Careers: The Gap Between Student Interest and Knowledge. *Journal of Studies and International Education*, 16 (4): 390-407.
- Ranjit Kumar (2011). *Research Methodology*. (3<sup>rd</sup> Edition). Los Angeles: SAGE.
- Richard Holmes, Hazadiah Mohammad and Habibah Ashari (2005). *A Guide to Research in the Sosial Sciences*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Rincy V.M. dan Panchanatham (2011). An Exploratory Study on the Work Life Balance of Women Entrepreneurs In South India. *Asian Academy of Management Journal*, 16(2), 77-105.
- Rohany Nasir (2003). *Isu-isu Kaunseling Dan Perkembangan Kerjaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sayyid Sabiq (1995). *Fiqh al-Sunnah*. Kaherah: Syarikat Manar al-Daulah al-Fathu li 'Ilami al-'Arabi.
- Sayyid Sabiq (1990). *Fiqh al- Sunnah*. Kuala Lumpur: Victory Agency.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy (2011). Intergriti Menurut Perspektif Islam dan Moden : Asas Sistem Penyampaian dan Perkhidmatan Berkualiti. *Jurnal Pengurusan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam*, 8 (1): 1-24.
- Sohair Abdel Moneim Sery (1995). Wanita Bekerja dan Cabarannya. *Al-Maw'izah Jurnal Pengajian Islam Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia*. (3): 103- 104.
- Tiawa, Dayang and Hafidz, Ahmad and Sumarni, Rio (2005) *Aplikasi Perisian NVIVO Dalam Analisis Data Kualitatif*. In: Qualitative Conference, 21-23 August 2005, Sofitel Resort Senai.



- Uwe Flick, Ernst Von Kardorff and Ines Steinke (2004). *A Companion to Qualitative Research*. London: SAGE Publications.
- Welman, Kauger, Mitchell (2005). *Research Methodology*. (3<sup>th</sup>Edition). Southern Africa: Oxford University Press.
- Zainab al-Ghazali, (2004). *Nasihat Untuk Wanita*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.